



Saya bukan lantikan politik, dakwa Penggerusi MSM

Tarikh kemaskini: 26/06/2018



KUALA LUMPUR, 26 Jun (Bernama) – Ketika spekulasi memuncak yang lebih ramai ketua syarikat berkaitan kerajaan akan dikenakan tindakan atau dipecat, Penggerusi MSM Malaysia Holdings Bhd, Datuk Wira Azhar Abdul Hamid hari ini mendakwa beliau bukan pelantikan politik.

"Setakat yang saya tahu, saya berkhidmat dengan MSM dalam kapasiti saya sebagai Penggerusi. Persoalan sama ada saya selamat atau tidak, bergantung kepada MSM.

"Jika mereka berasa mereka tidak lagi memerlukan saya, saya tidak akan terus berada di sini. Bagaimanapun, selagi mereka merasakan bahawa saya boleh menambah nilai, saya akan terus kekal," katanya pada sidang media selepas mesyuarat agung tahunan syarikat di sini, hari ini.

Azhar berkata, beliau sentiasa agak bebas di mana sahaja syarikat yang beliau berkhidmat untuk terus kekal objektif dalam menguruskan organisasi yang diterajuinya.

Apabila ditanya sama ada jawatankuasa khas kerajaan yang ditugaskan untuk membubarkan monopolii di semua industri telah menghubungi MSM, beliau berkata, jawatankuasa itu menghubungi pemegang saham utama MSM, Felda Global Ventures Holdings Bhd (FGV), yang memiliki kepentingan 51 peratus dalam syarikat itu.....

<http://www.bernama.com/bm/news.php?id=1474856>